

Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) telah ditubuhkan bagi menyelesaikan pertikaian monetari di antara para pelabur dan pengantara pasaran modal yang berdaftar sebagai ahlinya, seperti broker saham, broker niaga hadapan, syarikat pengurusan unit amanah dan pengurus dana.

Diluluskan bawah *Peraturan-peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian) 2010*, SIDREC merupakan badan korporat bebas yang menjadi alternatif kepada badan-badan penyelesaian pertikaian yang sedia ada.

Fungsi SIDREC

- Bagi menyediakan saluran penyelesaian pertikaian alternatif untuk pelabur berhubung dengan tuntutan yang membabitkan perkhidmatan pasaran dan produk terhadap pengantara pasaran modal.
- Bagi menggalakkan, menyokong dan memudahkan penyelesaian yang memuaskan, perdamaian atau penarikan balik aduan, pertikaian dan tuntutan tersebut.
- Untuk bekerjasama dengan pengawal selia dalam semua perkara yang berkaitan dengan atau mempengaruhi aduan, pertikaian dan tuntutan.

Kelebihan SIDREC

- Sebagai sebuah badan “khas” bagi menyelesaikan pertikaian pasaran modal, berbekalkan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman, badan ini mengendalikan tuntutan dengan cepat dan cekap.
- Mudah akses dan sesuai – satu pusat sehenti yang menawarkan perkhidmatan percuma bagi penyelesaian tuntutan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan pasaran modal.

Pertikaian yang terkecuali

- Pertikaian dalam skop Tabung Pampasan atau Dana Fideliti.
- Keputusan komersial, misalnya penetapan harga produk, fi dan caj, kredit atau permohonan margin.
- Prestasi produk atau pelaburan (kecuali yang tidak dizahirkan atau yang diberi gambaran salah).
- Kes-kes yang telah diputuskan atau masih dalam perbicaraan di mahkamah/timbang tara kecuali prosiding digantung untuk rujukan kepada SIDREC.
- Perkara-perkara di bawah siasatan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) atau mana-mana pihak penguatkuasaan lain.
- Pertikaian yang telah sampai had tempoh mengikut *Akta Had Masa 1953*.

Bagaimana hendak memfailkan tuntutan dengan SIDREC?

Sekiranya pelabur mempunyai tuntutan yang tidak dapat diselesaikan dengan pengantara industri pasaran modal, dia boleh memfailkan tuntutan dengan SIDREC, sama ada datang sendiri atau melalui faks, pos atau e-mel.

Pelabur mesti memfailkan tuntutan dalam tempoh 180 hari selepas menerima keputusan muktamad daripada pengantara pasaran modal berkenaan.

Bagaimanakah tuntutan itu diselesaikan?

Merit tuntutan akan disiasat oleh pengantara yang kemudiannya akan berusaha menjadi pengantara kepada pertikaian di antara pelabur dan pengantara pasaran modal. Pengantaraan itu membabitkan kedua-dua pihak yang bertelingkah membuat persetujuan bersama secara sukarela bagi menyelesaikan pertelingkahan tersebut.

Sekiranya usaha pengantaraan gagal, perkara itu akan dibawa kepada penghakiman. Keputusan pengantara adalah muktamad dan mengikat pengantara pasaran modal tetapi tidak mengikat pelabur. Sekiranya pelabur tidak bersetuju dengan keputusan tersebut, dia boleh menolaknya dan meneruskan tuntutan melalui saluran lain.

Soalan Lazim

1. Adakah saya layak membawa tuntutan saya ke SIDREC?

Jika anda seorang individu atau usahawan tunggal yang merupakan pelanggan kepada anggota SIDREC, anda layak membawa tuntutan anda ke SIDREC.

2. Apakah ada had kepada jumlah tuntutan yang boleh saya bawa ke SIDREC?

Ya, semua tuntutan mestilah dalam bentuk monetari dan tertakluk kepada had RM100,000 bagi setiap tuntutan.

3. Bolehkah saya membawa tuntutan saya secara terus kepada SIDREC tanpa berusaha menyelesaikan tuntutan tersebut dengan pengantara pasaran modal berkenaan terlebih dahulu?

Tidak. SIDREC hanya melayani tuntutan yang pernah dikemukakan kepada pengantara pasaran modal berkenaan. Anda mestilah terlebih dahulu berusaha menyelesaikan perkara itu dengan pengantara pasaran modal. Sekiranya penyelesaian tersebut tidak memuaskan, atau pengantara itu tidak memberi keputusan muktamad mengenai tuntutan tersebut dalam masa 90 hari dari tarikh menerimanya, anda boleh membawa tuntutan anda ke SIDREC.

4. Berapakah kosnya?

Pada masa ini, perkhidmatan yang disediakan oleh SIDREC adalah percuma bagi pihak yang menuntut.

5. Berapa lama masa yang diambil oleh SIDREC bagi menyelesaikan tuntutan saya?

SIDREC berusaha menyelesaikan semua tuntutan seberapa segera yang boleh, dalam masa 90 hari selepas menerima dokumen dan maklumat lengkap mengenai pertikaian tersebut. Bagaimanapun, jangka masa ini mungkin dipanjangkan bergantung pada kerumitan setiap kes.

6. Kepada siapakah saya boleh membuat rayuan sekiranya saya, sebagai pelabur, tidak bersetuju dengan keputusan SIDREC?

Dalam hal ini, tiada rayuan boleh dibuat. Bagaimanapun, anda boleh meneruskan tuntutan anda melalui saluran penyelesaian pertikaian lain, umpamanya mahkamah sivil.

7. Bagaimana jika pengantara pasaran modal tidak mematuhi perintah penyelesaian atau award?

Memandangkan mereka adalah ahli SIDREC, pengantara berkenaan telah melanggar peraturan SIDREC, yang mungkin mempunyai implikasi ke atas keahlian mereka dalam SIDREC dan lesen dengan SC. Selain itu, anda boleh menguatkuasakan perjanjian penyelesaian di mahkamah.

Hubungi kami

Anda boleh mengemukakan tuntutan anda kepada kami melalui:

- E-MEL: info@sidrec.com.my
- POS:
Securities Industry Dispute Resolution Center
Unit A-9-1, Level 9, Tower A
Menara UOA Bangsar
No. 5 Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur
MALAYSIA
- FAKS: +603 2282 3855

atau

DATANG SENDIRI ke alamat di atas pada masa yang berikut:

Isnin hingga Khamis
9.00 pagi – 1.00 tengah hari
2.00 petang – 5.00 petang

Jumaat
9.00 pagi – 12.30 tengah hari
2.30 petang – 5.00 petang

(Tutup pada cuti umum)

Sekiranya ada sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di nombor +603 2282 2280.

Layari laman web kami di www.sidrec.com.my



Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti